

Masjid Haji Mat Saman (1929)

Dirujuk oleh

- [1929: Pembinaan Masjid Haji Mat Saman](#)
- [Kampung Sungai Ramal](#)

1929: Pembinaan Masjid Asal

Sumber 1

“Mesjid Sg. Ramal Luar, Kajang, Selangor, telah dibina pada tahun 1929 dengan harga sebanyak \$40,000/-, wang ini datangnya dari seorang bijakpandai iaitu Pegawai Daerah yang bernama Datuk Abu Samah. Beliau telah berikhtiar supaya penduduk-penduduk kampung yang kebanyakannya penoreh getah mengenyepikan sejumlah wang, dari kupon getah mereka dikumpul dan dari sedekah jahriah orang ramai.

Tiga buah mesjid yang serupa telah dibina dengan cara ini iaitu di Jeram, Batu 17 Ulu Langat, dan termasuk Sg. Ramal Luar.

Mesjid ini telah dibina oleh seorang kontraktor Cina dari Kuala Lumpur namanya ialah Bong Siew. Kontraktor ini telahpun meninggal dunia dan tidak dapat maklumat dari beliau. Pelan asal juga tidak dapat dikesan begitu juga dengan akitek yang mereka mesjid itu.

Pada tahun enam puluhan meningkatnya jumlah penduduk-penduduk yang tidak dapat menampung jemaah, jadi satu tambahan telah dibuat dengan harga sebanyak \$10,000/-.

Pembinaan mesjid ini adalah mengikut peringkat-peringkat. Peringkat I ianya empat persegi tepat, Peringkat II ialah empat persegi bujur tambahan dan Peringkat III mesjid itu dijadikan empat persegi tepat tambahan 150'-0" x 150'-0". Pagar dan tandas kepada mesjid itu adalah sumbangan dari Lembaga Loteri dan Kebajikan Mesyarakat kerana penduduk-penduduk di situ enggan mencemar mesjid mereka dengan wang dari sumbangan Lembaga Loteri.

Bahan binaan mesjid seperti kayu cengal untuk kerangka bumbong dipercayai dibawa dari hutan Ulu Langat.”



Kiri: "Pandangan Masjid Sg. Ramal Luar yang dibina pada tahun 1929. Pada ketika itu masjid ini berada di zaman dan sebelum peperangan dunia kedua, di mana binaannya masih kukuh dan masih lagi digunakan."

(Sumber: Abdul Aziz Ramli, Shahrom Sapari, Hj. Ahmad Mohd. Ibrahim, Noridah Mohd. Saad, 1984:

"Kajian Bangunan Lama Masjid Sg. Ramal Luar, Kajang"). Gambar sebelah kanan: Kubah asal masjid, dari jarak dekat ([MASJID SG RAMAL LUAR @ Twitter](#)).

Sumber 2

"Adalah dimaklumkan masjid ini dibina sejak 1929 sesuai dengan lokasinya berada di pinggir Sungai Ramal – pangkalan tempat persinggahan melalui jalan sungai. Sebagai tempat pertemuan perjalanan dan perniagaan, maka inisiatif diambil tokoh pemimpin semasa itu, iaitu Haji Mat Saman mendirikan masjid di tapak yang ada sekarang untuk kegunaan berjamaah dan berjumaat penduduk Sungai Ramal Luar, iaitu sebelum jalan secara sempurna dari Kajang ke Serdang dibina. Dikatakan juga masjid ini dibina di tepi sungai Ramal bagi memudahkan ahli jamaah mengambil wuduk dari Sungai Ramal tersebut." (Dr Shafie Abu Bakar, August 16, 2010:

|
"Masjid Jamek Berkembar - Haji Mat Saman Sungai Ramal Luar Bersejarah - Unik").

"Beliau (S.S.Haji Marzuki bin Hussin, Pengarah JAIS, 2012) menggalurkan sejarah Sungai Ramal Luar yang dikatakan dibuka oleh Tuan Haji Mat Saman yang berasal dari Kampar, Sumatera begitu juga pembinaan masjid- asalnya kayu adalah dari hasil usaha Tuan Haji Mat Saman yang mewaafkan tanahnya untuk masjid. Haji Mat Saman meninggal pada tahun 1935. Atas jasanya mewaaf dan mendirikan masjid ini, maka nama masjid ini dikenali dengan namanya `Masjid Haji Mat Saman`.

.....
Kaitan nama masjid dengan Haji Mat Saman, ialah kerana keistimewaan tokoh Haji Mat Saman yang mengasas Masjid yang pada asal dari bangunan kayu. Beliau juga orang yang mewaafkan tanah yang pada tapak ini didirikan masjid pada tahun 1929. Sebagai pengasas beliau terlibat di dalam mentadbir dan memakmurkan masjid berkenaan. Pembinaan masjid ini selari dengan pembinaan masjid-masjid yang sezaman dengannya seperti Masjid Raja Alang Beranang (Sebelum 1900) dan Masjid Raja Muda Musa, Pekan Semenyih (1920an). Masjid Haji Mat Saman turut mengalami pembaikan dan perubahan sebagaimana masjid-masjid semasa dengannya.

Dengan wujudnya nama Jamek, iaitu Masjid Jamek Sungai Ramal Luar, bererti masjid ini adalah Masjid Besar, sekurang-kurangnya semasa pembinaannya dan Masjid Kajang Asal yang masih ada berhampiran Masjid Kajang kini yang diperbuat dari kayu (di tepi Sekolah agama di situ) adalah lebih kecil berbanding dengan Masjid Haji Mat Saman Sungai Ramal sekarang. Sebab itu Masjid Sungai Ramal ini menggunakan nama Masjid Jamek Haji Mat Saman, Sungai Ramal Luar, walaupun sekarang tidak lagi relevan sebagai masjid Jamek dengan kedudukannya di Kajang."

(Dr Shafie Abu Bakar, July 27, 2012:

|
"Perasmian Masjid Unik (Haji Mat Saman) Sungai Ramal Luar Oleh DYMM Sultan Selangor: Satu Daya Tarikan").

LATAR PERISTIWA: Raja Alang bin Raja Berayun.

Pembinaan Bangunan Baru

1990an-2008: Perancangan Awal

"Sebelum daripada ini, memang sudah ada usaha mendirikan Masjid Jamek Haji Mat Saman dengan bangunan baru, iaitu berikutan dari kesedaran (1990an) masjid ini tidak tepat dari segi arah kiblat, usaha membetulkannya dilakukan, tetapi kedudukan saf agak tidak selari dengan ruang dalam bangunan. Faktor ini dan faktor kelamaan menjadi alasan perlunya dibuat bangunan yang baru di atas tapak yang lama. Dari kesedaran dan keperluan ini menggerakkan Tuan Haji Zainal sebagai Nazir dan Pengerusi AJK Masjid Haji Mat Saman pada tahun 1990an mengambil keputusan untuk

mendirikan masjid yang baru. Peruntukan pernah didapati dari Kerajaan Persekutuan sejumlah RM9.6 juta bagi mendirikan masjid yang baru tetapi kerana masalah teknikal masjid tidak didirikan dan tarikh tawaran peruntukan lupus dan peruntukan baru dipohon, tetapi sehingga berubahnya pemerintahan negeri Selangor kepada Kerajaan Pakatan Rakyat, pembinaan oleh AJK sebelumnya tidak dapat direalisasikan. Peruntukan baru diluluskan dengan jumlah yang berkurangan dari asal, iaitu RM5 juta (bersama dengan peruntukan derma).” (Dr Shafie Abu Bakar, August 16, 2010:

"Masjid Jamek Berkembar - Haji Mat Saman Sungai Ramal Luar Bersejarah - Unik").

2008: Bantahan Perancangan Asal

“Pada masa kerajaan Pakatan Rakyat dan Sungai Ramal Luar termasuk di bawah DUN Bangi, ADUN Bangi dalam usaha menggerakkan pembinaan Masjid Haji Mat Saman ini berdepan dengan dua tuntutan. Pertama ialah tuntutan didirikan bangunan masjid yang baru sepenuhnya dengan merobohkan yang lama dan tuntutan yang mau mengekalkan bangunan yang lama dengan hujah-hujah tersendiri. Tuntutan mendirikan bangunan yang baru sepenuhnya adalah lanjutan dari usaha yang dilakukan oleh AJK Pembangunan sebelumnya di bawah Tuan Haji Zainal.

Timbul Bantahan

Dalam usaha meneruskan pembinaan bangunan yang baru yang dianggap tidak merujuk kepada ahli qariah, dan dengan kerajaan baru, mereka berpeluang melahirkan bantahan. Bantahan adalah melalui surat bertarikh 21 November 2008 = 23 Zulkaedah 1429 diketuai En. Mohd Lotfi bin Kassim dengan disertakan bantahan bertanda tangan 238 penduduk. Dengan salinan surat kepada Dato` Dr. Hassan Ali Exco Hal Ehwal Islam dan Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, ADUN Bangi, Orang Kaya Maha Bijaya Daerah Hulu Langat, Pegawai Agama Islam Hulu Langat, Penolong Pegawai Daerah Pembangunan, Dato` Penghulu Mukim Kajang dan Jurutera Daerah (JKR). Surat dan tandatangan beramai-ramai itu Memohon Pembatalan Membina Masjid Baru Mat Saman Sg. Ramal Luar atas alasan:-

- 1. Pembinaan masjid baru ini tidak pernah mendapat persetujuan bersama dari penduduk kampung malah tidak pernah dibincangkan secara terbuka untuk mendengar pandangan dan pendapat di mana-mana forum samaada Mesyuarat Agong Tahunan atau seumpamanya.*
- 2. Masjid yang didirikan pada 1929 Masehi itu masih dalam keadaan yang baik dan hanya beberapa bahagian sahaja yang perlu dibaiki seperti pemantapan dan penggantian struktur asal, atap, kubah, menara dan tandas.*
- 3. Masjid asalnya dibina hasil dari usaha dan titik peluh datuk nenek kami yang menorah getah, bersawah padi dan melakukan kerja-kerja kampung telah bersusah payah bergotong-royong serta berdikit-dikit menghimpunkan dan mewaqafkan wang dan harta mereka demi untuk kemudahan dan menaikkan syiar Islam untuk anak cucu kemudian hari. Sehubungan dengan itu adalah tidak wajar bagi kita dengan sewenang-wenangnya merobohkan masjid tersebut tanpa sebarang alasan yang kukuh dan munasabah.*
- 4. Tindakan merobohkan masjid ini akan juga akan menghilangkan waqaf dan jariah orang-orang terdahulu dan ini amatlah bertentangan dengan tuntutan syariat.*
- 5. Lokasi masjid tersebut tidak mengganggu jalan atau apa-apa projek yang sedang atau akan dibangunkan.*

6. Masjid baru yang dicadangkan adalah lebih kecil (berukuran 90 kaki x 90 kaki) jika dibandingkan dengan masjid yang sedia ada (berukuran 120 kaki x 150 kaki).

Sehubungan dengan itu kami mewakili sebahagian besar ahli qariah Kg. Sg. Ramal Luar khususnya penduduk asal mencadangkan agar projek ini dibatalkan dan diganti dengan mengubahsuai serta mengekalkan bentuk asalnya.

Berhubung dengan kesedaran pentingnya dikekalkan Masjid Haji Mat Saman ini sebagai Harta Warisan dan khazanah Tempatan, Negeri dan Negara Saudara Mohd Lotfi bin Kassim mewakili ahli Qariah telah menulis surat kepada Pesuruhjaya Warisan, Jabatan Warisan Negara, Tingkat 16 Menara TH Perdana, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50694 Kuala Lumpur bertarikh 15 Januari 2009 = 18 Muharram 1430H. mencadangkan supaya Masjid Jamek Haji Mat Saman dijadikan Harta Warisan Negara.

Berhubung dengan bantahan di atas, pertemuan dan perbincangan diadakan dengan AJK dan Ketua Kampung Haji Yusof membincangkan cadangan dan bantahan berkenaan. Pihak Setiausaha JKK Tuan Hj Noor Azhar Bin Haji Abdul Aziz menulis surat kepada Tan Sri Dato` Abdul Khalid Ibrahim memaklumkan Cadangan pembinaan Masjid Jamek Haji Mat Saman Kg. Sungai Ramal Luar Kajang, Selangor bertarikh 21/02/2009 menyatakan:

Pihak JKK Kg. Sg. Ramal Luar telah bersetuju untuk membuat pindaan dan cadangan ke atas isu pembinaan masjid tersebut. Antara cadangannya ialah:

1. Mengekalkan masjid lama tanpa dirobohkan. Untuk tujuan memulihara khazanah warisan di mana masjid ini dikenalpasti antara yang tertua di Selangor, dibina pada tahun 1929.
2. Membina masjid baru di atas tapak bersebelahan Masjid Lama. Di mana tanah milik Masjid masih luas bagi tujuan tersebut.
3. Kos meroboh masjid lama boleh digunakan membaikpulih bangunan dan mencantikkannya.
4. Dengan tidak merobohkan masjid lama penduduk-penduduk kampong masih lagi boleh berjamaah sementara menunggu pembinaan Masjid Baru
5. Segala waqaf dan sedekah penduduk ke atas Masjid lama dapat dikekalkan.

Pihak JKK Kg. Sungai Ramal Luar berpendirian, atas nasihat YB Dr. Shafie Abu Bakar (ADUN Bangi) menyokong agar sebahagian peruntukan tersebut digunakan untuk Pemuliharaan dan Pembesaran Masjid yang sedia ada.

Hasil dari bantahan (surat 21 November 2008) dan surat cadangan pindaan bertarikh (21/02/2009) dan mesyuarat terhadap bantahan dan cadangan dan mengambil keputusan terakhir bertarikh (6 April 2009), maka Masjid Jamek Berkembar - Haji Mat Saman menjadi realiti." (Dr Shafie Abu Bakar, August 16, 2010:

"Masjid Jamek Berkembar - Haji Mat Saman Sungai Ramal Luar Bersejarah - Unik").

Soalan berkaitan perkara ini telah diajukan oleh Dr Shafie Abu Bakar di Dewan Negeri Selangor: "Terdapat sebuah masjid antara tertua di Selangor, di Kampung Sungai Ramal Luar, Kajang di Daerah Hulu Langat dikenali sebagai Masjid Mat Saman. Masjid ini berusia lebih dari 80 tahun (didirikan 1929). Penduduk berbelah bahagi antara mengekalkan Masjid lama atau meroboh dan mendirikan

bangunan masjid yang baru. Tidakkah wajar masjid ini dikekalkan dan diiktiraf sebagai bangunan khazanah warisan?" (Dewan Negeri Selangor, 10-17 Mac 2009:

"Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Tahun 2009: 173) MASJID WARISAN").







Gambar-gambar bangunan asal Masjid Jamek Haji Mat Saman pada tahun 2008, sekitar waktu bantahan bangunan baru sedang ditangani. (Radzi Sapiee, December 05, 2008:

|
"Masjid lama (The old mosque at) Sungai Ramal, Kajang").

2009-2010: Pembinaan Bangunan Baru

"Masjid baru didirikan dengan kos RM4.1 milion dan siap pada 2010. Masjid ini tidaklah begitu besar, kerana ruangnya dapat menampung 1,500 jamaah, sama dengan keluasan masjid lama yang juga dapat menampung 1,500 jamaah.

Walau macam mana dengan mengekalkan masjid lama, ianya bukan saja dapat memelihara warisan, tetapi mewujudkan keunikan. Kerana inilah satu-satunya masjid yang mempunyai gandingan masjid lama dan baru. Masjid ini dapat dipanggil dengan nama timang-timangan sebagai "Masjid Berkembar" (Twin Mosques)." (Dr Shafie Abu Bakar, July 27, 2012:

|
"Perasmian Masjid Unik (Haji Mat Saman) Sungai Ramal Luar Oleh DYMM Sultan Selangor: Satu Daya Tarikan").



Gambar-gambar sekitar pembinaan bangunan baru Masjid Haji Mat Saman: *"Masjid baru sempenan dibina dan mula digunakan Hari Raya Idul Adhha 2010 lepas. Kini usaha menyambung laluan antara masjid lama dan baru sedang progress dilakukan. Adun bergembira melihatnya setiap kali datang ke masjid ini. Adalah dijangka Masjid Berkembar Haji Mat Saman ini mempunyai daya tarikan yang tersendiri kerana keunikan bangunannya yang merupakan satu-satunya Masjid Berkembar di Negara ini. Ianya juga merupakan antara masjid tertua di Selangor (1929)."* (Dr Shafie Abu Bakar, June 7, 2011:

"Projek-Projek Di Hati Adun Bangi").



Gambar Masjid Jamek Haji Mat Saman (bangunan asal), diambil beberapa hari sebelum perasmiannya oleh DYMM Sultan Selangor (Julai 2012): *"Masjid lama ini berusia 83 tahun seperti tertera pada tiang masuk pintu masjid yang ianya telah dibina pada 1929. Ianya masih kukuh dan mengekalkan seni bina tempatan dan tidak berubah hanya di cat semula bagi menyerlahkan keasliannya."* (FAIZMIN, July 17, 2012:

"MASJID KG SG RAMAL LUAR KAJANG").

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipoh	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shahrir <sazli@pulasan.my>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From: <https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**
 Permanent link: https://bangi.pulasan.my/masjid_haji_mat_saman
 Last update: **2023/06/07 18:28**



